

## **DIMENSI PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN ALAM SEKITAR MERENTAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Abd. Aziz Rekan

*Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*

[abdazizrkn@um.edu.my](mailto:abdazizrkn@um.edu.my)

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim

*Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*

Yusmini Md Yusoff

*Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*

**Abstrak:** Setiap agama mengalakukan amalan alam sekitar lestari dalam kehidupan sehari-hari lebih-lebih lagi Islam yang sarat dengan asas, prinsip dan etika pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) pendidikan Islam di sekolah antara medium yang penting dalam menyalurkan kefahaman nilai kesepadan Islam dan alam sekitar kepada pelajar. Persoalannya sejahteranakah dapat diketahui penghayatan pelajar hasil daripada penyertaan dalam PdP yang dijalankan. Justeru satu kajian kes berbentuk kualitatif telah dijalankan bagi meneroka dimensi penilaian guru terhadap pelajar dalam pelaksanaan pendidikan alam sekitar merentas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah lestari. Kaedah temubual telah diaplikasikan ke atas 6 orang guru pendidikan Islam selaku informan kajian. Hasil awal dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga dimensi penilaian guru pendidikan Islam telah dikenal pasti menerusi temubual separa berstruktur. Implikasi kajian ini menonjolkan cabaran dan kepelbagaiannya strategi penilaian semasa guru yang mungkin merupakan kekuatan atau keperluan kepada penambahbaikan demi memperkasakan keberkesanan pengajaran guru.

**Kata kunci:** Strategi Penilaian, Pengajaran dan Pembelajaran, Pendidikan Islam, Pendidikan Alam Sekitar.

### **Pengenalan**

Kemelut keretakan hubungan manusia dengan alam sekitar seperti tiada penghujungnya. Penghayatan nilai cintakan alam sekitar dalam kalangan umat manusia masih belum memuaskan apabila menyaksikan isu demi isu alam sekitar global dan setempat seringkali dipaparkan di dada-dada akhbar seperti penerokaan tanah secara berleluasa (Utusan Malaysia, Jun 2016), pemunggahan 500 tan sampah pulau setahun (Berita Harian, April 2016), pencemaran sungai (Berita Harian, Januari 2016), pencemaran bauksit (Utusan Malaysia, Januari 2016), isu pemanasan global (Berita Harian, Februari 2015), penyeludupan hidupan liar (Kosmo, Oktober 2015) dan pembakaran terbuka (Berita Harian, Ogos 2014).

Masalah-masalah di atas telah mengundang pelbagai isu kesihatan dan ketidakstabilan ekologi yang merupakan kesan daripada tindakan remeh, amalan gaya hidup yang tidak lestari dan ketidakpedulian sebahagian individu (Sutherland, et. al., 2014; Ambu, et. al., 2003; Maser, 1996). Pencetus kemelut ini berlaku antaranya adalah disebabkan oleh pergolakan nilai intrinsik manusia yang dipengaruhi oleh perspektif hidup, kepercayaan dan sosio-budaya yang tidak diadun secara harmoni (Ujang, et. al., 1993). Kerungsingan terhadap krisis nilai dalaman ini telah menarik perhatian pelbagai pihak dan organisasi bagi mengidentifikasi faktor, punca dan penyelesaian yang relevan ke arah merealisasikan paradigma penciptaan manusia adalah sebaik-baik kejadian.

Sehubungan itu aspek agama dilihat berkait rapat dengan rangsangan nilai kemanusiaan, spiritual dan moral terhadap alam sekitar. Hussin (2012) menekankan aspek pembangunan kerohaniaan dalam diri individu menerusi konsep *eco-spiritual* sebagai penggerak kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar.

Manakala Kamidin et. al. (2011) mendapati bahawa terdapat perubahan sikap dan tingkah laku positif guru pelatih terhadap alam sekitar setelah menyertai pengajaran dan pembelajaran pendidikan alam sekitar berasaskan ekopsikologi yang menerapkan unsur spiritual dan ketuhanan. Selain itu organisasi antarabangsa seperti *World Bank*, *World Wide Fund (WWF)* dan *Alliance of Religions and Conservation (ARC)* menerusi penyelidikan kolaborasi bersama turut menyokong usaha menghubungkan elemen tradisional (adat) dan kepercayaan agama (nilai spiritual) seperti Islam, Kristian, Hindu, Sikh dan Buddha ke dalam aspek penjagaan kawasan perlindungan (*protected area*) sebagai langkah konservasi biodiversiti yang berkesan (Dudley, et. al., 2005). Berdasarkan konteks sekolah, wajarlah para pelajar dididik untuk mencintai alam sekitar berasaskan agama bagi mengukuhkan kendiri ekologi spiritual mereka.

Justeru ilmu adalah jejambat yang menyajerahan kesepadan nilai keagamaan dan nilai alam sekitar dalam diri manusia (Yang, 2015). Tanpa bekalan ilmu yang cukup, seseorang akan berhadapan dengan kesulitan mencari hikmah kehidupan lebih-lebih lagi dalam mengenali kepentingan alam sekitar terhadap dirinya. Guru merupakan antara nadi yang menentukan corak pemberian ilmu ke atas pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Mohd Fakhruddin, 2012). Penentuan kemenjadian pelajar dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang merupakan hasil penyertaan daripada PdP tersebut boleh dikesan menerusi proses penilaian berterusan guru (Airasian, 2001). Sekiranya guru mengabaikan strategi penilaian yang dinamik dikhawatir akan membawa kepada percambahan konflik dalam penataran pendidikan kesepadan nilai Islam dan alam sekitar di sekolah.

### **Latar Belakang Kajian**

Umumnya, klasifikasi hierarki ilmu kepada fadhu ain dan fardhu kifayah menurut tasawwur Islam (Wan Daud, 2013; Hashim, 2002) telah membuktikan bahawa Islam bersifat universal dalam meraihkan kepelbagaiannya ilmu termasuklah ilmu tabii (alam semula jadi). Idea dikotomi ilmu sains dan alam sekitar daripada aspek nilai etika, moral dan kerohanian yang telah disebarluaskan oleh kebanyakan sarjana beraliran sekular merupakan cabaran utama dalam mendokong gagasan konservasi alam sekitar berteraskan nilai ketuhanan (Mokhtar, 2015; Nasr, 1997). Di Malaysia, sistem pendidikan adalah bersifat holistik dan bersepadan di semua peringkat. Pelaksanaan pendidikan alam sekitar khususnya di sekolah telahpun dilangsungkan secara formal mahupun informal. Pendidikan alam sekitar bukanlah satu subjek khusus yang diwujudkan dalam silibus di sekolah, akan tetapi pelaksanaannya adalah merentas kesemua kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran seperti subjek sains, geografi, bahasa Melayu, pendidikan seni, sejarah dan pendidikan Islam itu sendiri di samping dimantapkan dengan kegiatan dan aktiviti kokurikulum di dalam mahupun di luar sekolah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998).

Pendedahan konsep dan isu alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) pendidikan Islam adalah bagai isi dengan kuku yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Penyebatan konsep alam sekitar dalam PdP ini akan memandu akhlak dan adab pelajar terhadap setiap makhluk ciptaan Allah. Membentuk insan lestari yang beradab dan berakhhlak dalam segenap aspek termasuk perihal persekitarannya merupakan antara matlamat utama pendidikan Islam (Darusalam, 2004). Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Attas mengenai definisi insan *adabi* “*Orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak; yang memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; yang terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan adabi*” (Wan Daud, 2013, p. 117). Hasrat dalam mewujudkan insan lestari dan *adabi* ini juga turut termaktub dalam Falsafah Pendidikan Islam Negara secara tersirat mahupun tersurat menerusi galakan pengembangan beberapa elemen seperti ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam (Mohd Fakhruddin, 2012).

Pendidikan Islam di sekolah merupakan asas pendidikan akhlak dan adab berasaskan akidah serta lunas-lunas syariat Islam yang benar. Tatacara dan gaya hidup lestari dengan mengambil kira peranan sebagai hamba dan khalifah Allah yang sentiasa memakmurkan bumi berdasarkan dalil-dalil aqli dan naqli dapat dipelajari menerusi matapelajaran ini seperti topik akidah, ibadat, akhlak dan sirah nabawiyyah (Suhid,

2009). Sementara matapelajaran yang lain bukanlah bermakna tidak mendedahkan nilai dan konsep khalifah lestari itu dalam mana-mana sesi pengajaran dan pembelajaran, akan tetapi kandungan pendidikan Islam itu sendiri secara dominannya memperseimbangkan ayat-ayat al-Quran iaitu kalam Allah dan Hadis secara terus kepada pelajar mengenai hukum dan tuntutan Islam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Atas kesedaran inilah guru pendidikan Islam serta guru-guru yang lain perlu menitik-beratkan pembangunan sikap dan perilaku pelajar terhadap alam sekitar semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Kaedah penentuan terhadap keberjayaan pendidikan alam sekitar merentas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam adalah melalui proses penilaian. Konsep penilaian dalam konteks pendidikan boleh dikatakan sebagai sistem atau proses yang melibatkan prosedur pengujian, penskoran dan penaksiran dalam mengenal pasti kualiti, keberkesanannya atau nilai sesuatu aktiviti pendidikan termasuklah perihal pengajaran dan pembelajaran (Pang & Lajium, 2014). Selain itu rata-rata ahli sarjana dalam bidang pendidikan mengaitkan konsep penilaian dengan proses atau strategi pemerolehan dan pemilihan maklumat atau data berkaitan kemajuan pelajar berdasarkan sesuatu objektif pengajaran yang dijelmakan menerusi pengembangan isi pelajaran (Ghani Hamzah, 2014; Boyle, 2008; Nordin, 1995; Stufflebeam & Shinkfield, 1990; Gay, 1985). Oleh yang demikian guru pendidikan Islam perlu mengamalkan prinsip-prinsip penilaian yang sewajarnya dalam pendidikan alam sekitar merentas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam seperti penggunaan pelbagai strategi penilaian, penilaian berkala, penggunaan alat atau bahan penilaian yang memiliki kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi serta merekod data hasil penilaian (Cole & Chan, 1994).

Sistem pendidikan negara seringkali mendapat perhatian dan tempat dalam menentukan halatuju masa depan negara ke arah negara mampan mengikut acuan dan tradisi setempat selari dengan kehendak global. Pada penghujung tahun 2010, satu anjakan paradigma dalam sistem pendidikan negara telah dilakukan dengan diperkenalkan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Sistem ini mengetengahkan konsep Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang telah mula dilaksanakan di peringkat sekolah rendah pada tahun 2011 serta di peringkat sekolah menengah pada tahun 2012 sebagai satu transformasi sistem penilaian menyeluruh perkembangan pelajar yang tidak sahaja berfokuskan kepada sistem peperiksaan bahkan mengambil kira keseluruhan potensi pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Seman, Ahmad & Kimi, 2014). Menyoroti pelaksanaan pentaksiran di sekolah, terdapat pelbagai isu dan cabaran dalam kalangan guru seperti tidak mendapat latihan dan pendedahan yang secukupnya (Begum & Farooqui, 2008) dan pertikaian terhadap integriti dan ketelusan guru mentaksir pelajar secara menyeluruh (Abd. Mutualib & Ahmad, 2012). Selain itu penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sesuatu penilaian formatif mahupun sumatif telah ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya pelajar mampu menguasai kemahiran penaakulan dan refleksi yang tinggi terhadap sesuatu masalah dengan berfokus kepada empat taksonomi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (A. Ghani, et. al., 2014).

Memandangkan pentaksiran dan penerapan KBAT merupakan sebahagian isu terkini dalam perbincangan aspek penilaian semasa di sekolah, maka relevanlah kajian ini dibuat bagi melihat status-quo dimensi penilaian guru pendidikan Islam dalam mengintegrasikan pendidikan alam sekitar dengan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam sekaligus memberi sumbangan berbentuk ilmiah dalam kupasan konsep penilaian gabung sesuatu ilmu.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini merupakan kesinambungan daripada hasil pemantauan dan penyelidikan sebelumnya yang didapati bahawa guru pendidikan Islam sememangnya telah melakukan pengintegrasian pendidikan nilai Islam dan alam sekitar dalam pengajaran.

Sehubungan itu motif utama sub kajian ini adalah untuk mengenal pasti dimensi penilaian guru pendidikan Islam menengah rendah setelah mengintegrasikan pendidikan nilai Islam dan alam sekitar dalam pengajaran. Berdasarkan motif ini, dua objektif kajian utama akan cuba dirungkaikan secara sistematis. Pertama meneroka perspektif guru pendidikan Islam terhadap aspek penilaian dalam pengajaran pendidikan nilai Islam dan alam sekitar. Kedua menganalisis bentuk pengalaman guru pendidikan Islam dalam menjalankan penilaian tersebut di sekolah. Daripada kedua-dua objektif kajian ini akan mencetuskan dimensi penilaian guru pendidikan Islam tersebut.

### **Metodologi Kajian**

Pemahaman terhadap aspek *research philosophy* adalah asas kepada pembinaan reka bentuk kajian yang bakal dijalankan. Signifikan penguasaan *research philosophy* akan mempengaruhi pandangan, kepercayaan dan keputusan penyelidik untuk memilih strategi, pendekatan, kaedah pengumpulan data serta penyediaan instrumen kajian yang bersesuaian dengan minat dan pengalamannya (Idris, 2013). Aliran metodologi kajian ini berorientasikan paradigma konstruktivisme yang beranggapan bahawa pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu fenomena atau konteks kajian akan terbina daripada proses interaksi penyelidik dengan objek kajian dari sudut perspektif dan pengalaman sosial (Mohd Tobi, 2014; Denzin & Lincoln, 2000). Berpusatkan proses sosialisasi tersebut, realiti konteks kajian adalah bersifat subjektif yang perlu kepada penyiasatan terperinci. Hal ini bersesuaian dengan konteks kajian ini yang dilihat sebagai perintis dalam meneroka perspektif dan pengalaman guru pendidikan Islam terhadap aspek penilaian dalam pengajaran pendidikan nilai Islam dan alam sekitar di sekolah. Oleh itu berasaskan epistemologi dan ontologi paradigma konstruktivisme tersebut, kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes yang menjurus kepada penelitian dan interpretasi fenomena subjek kajian secara holistik (Creswell, 2005).

Informan yang telah terlibat dalam kajian ini adalah seramai enam orang guru pendidikan Islam yang masing-masingnya seorang daripada zon tengah, zon selatan, zon timur, zon Sabah dan dua orang daripada zon utara di Malaysia. Kesemua guru pendidikan Islam ini sedang berkhidmat di sekolah yang pernah dan sebahagiannya konsisten mendapat pengiktirafan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) di peringkat kebangsaan. Informan kajian ini dipilih menerusi teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan penetapan empat kriteria informan yang dikehendaki agar maklumat yang diperolehi adalah berfokus dan tidak tersasar dari konteks kajian (Piaw, 2014). Di antara ciri-ciri informan tersebut adalah pertama guru pendidikan Islam yang mengajar pendidikan Islam menengah rendah. Kedua mengajar sekurang-kurangnya dua tingkatan menengah rendah. Ketiga tempoh berkhidmat sebagai seorang guru adalah sekurang-kurangnya lima tahun dan ke atas. Keempat telah mula berkhidmat di sekolah tersebut sekurang-kurangnya dua tahun sebelum mendapat pengiktirafan SLAAS.

Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan pada fasa awal kajian ini adalah temubual separa berstruktur (Idris, 2013). Sebuah prototaip protokol soalan temubual telah dibina sebagai instrumen kajian dan turut dimurnikan oleh dua orang panel pensyarah yang berhubung kait dengan kepakaran pendidikan Islam dan pendidikan alam sekitar. Sesudah itu protokol soalan temubual tersebut turut dirintiskan kepada tiga orang guru pendidikan Islam di negeri Selangor yang bukan informan kajian. Ini bagi memastikan kandungan dan gaya bahasa soalan temubual serta masa ketika menemubual informan kajian sebenar adalah sesuai (Piaw, 2014). Kaedah analisis data yang telah diaplikasikan adalah sebagaimana yang dicadangkan oleh Mohd Tobi (2014) iaitu pertamanya penulisan secara verbatim atau transkripsi manual daripada rakaman audio kemudian analisis merentasi kes (*cross case analysis*) dan barulah perincian terhadap dimensi penilaian dilakukan.

## **Perbincangan Hasil Awal Dapatkan Kajian**

Setelah selesai proses analisis, beberapa dimensi penilaian telah dikenal pasti dalam kalangan informan Guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah lestari yang terlibat. GPI6 menggunakan teknik soal jawab secara lisan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung bagi menilai kefahaman pelajar mengenai isu alam sekitar dalam topik yang berkaitan seperti pencemaran. Sesi soal jawab tersebut mengalakkan pelajar untuk berfikir secara rasional, persoalan bukan sekadar untuk mengetahui punca berlaku pencemaran sahaja akan tetapi turut meminta pelajar untuk menghuraikan idea tentang cara menyelesaikannya: “*Soalan tanya berkaitan dengan alam lah, ada juga kita bagi soalan berkaitan alam. Kita bagitahu lah kenapa berlakunya pencemaran ini? Lepas tu, macam manakah cara untuk menyelesaikan? Kenapakah perkara ini terjadi? Soalan ataupun jawab macam depa (pelajar) jawablah, sebab kurang kesedaran, lepas tu mereka akan huraikan lah, kita kait soalan, kadang kita kait, tengok tajuk topik kita lah...*” (GPI6).

Teknik ini juga digunakan oleh GPI3 iaitu menyoal pelajar berkaitan elemen air sembahyang dan aspek kebersihan diri. GPI3 ingin melihat respon pelajar semasa sesi soal jawab tersebut sama ada penggunaan kuantiti air dan jenis air yang dipakai itu dipertimbangkan atau tidak dalam langkah berwudhu dengan betul sebagai faktor kepada ibadat diterima oleh Allah: “*Macam berwudhuk tadi, macam mana nak mencapai tahap wudhuk yang betul? Bagaimana Allah terima ibadah kita? Mestilah bersih, badan yang bersih, mestilah guna air yang bersih. Memang disebutlah (soal jawab) macam tu...*” (GPI3).

Selain isu pencemaran dan elemen air yang ditanya dalam sesi soal jawab tersebut, GPI2 turut menilai kefahaman pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua berkaitan elemen tumbuh-tumbuhan, manusia dan haiwan sebagai merangsang pemikiran pelajar terhadap makna bukti kewujudan Allah. Penilaian semasa soal jawab itu adalah berdasarkan cetusan pendapat dan penjelasan dalam konteks persekitaran pelajar sendiri seperti contoh elemen tumbuhan iaitu pokok: “*Kita kena bina persoalan contohnya kejadian tumbuh-tumbuhan, manusia, haiwan, ini merupakan salah satu bukti kejadian, bukti kewujudannya Allah. Jadi pada pendapat kamu, jelaskan... jelaskan apakah pokok ini boleh membuktikan kewujudan Allah? Uji maknanya di situ, di dalam tingkatan satu, dua ni dia ada...*” (GPI2).

Manakala GPI5 menjelaskan bahawa kaedah soal jawab itu merangkumi peranan dua hala antara guru dan pelajar. Sesi soal jawab itu tidak cukup untuk bertanya pelajar sama ada faham atau tidak. Tetapi apabila GPI5 menyoal pelajar, maka GPI5 meminta para pelajar menjawab dalam bentuk penceritaan walaupun ringkas mengenai konsep hidup dengan alam sekitar. Daripada penceritaan pelajar tersebut, GPI5 beranggapan dapat mengukur penerimaan pelajar terhadap kandungan pelajaran yang diajarnya sekaligus menjadikan sesi soal jawab itu adalah bermakna buat pelajar: “*Kita tanya soalan lah kan. Kita tanya balik soalan, adakah depa (pelajar) saham kan. Kalau konsep soalan ni kita jangan kata saham ataupun tidak. Sebab kalau kita tanya saham ataupun tidak, yang tu bukan memberi apa-apa jawapan sebenarnya. Kita tanya, cuba tengok, cuba tanya, kamu (pelajar) yang saya cerita tadi, apa dia? Cuba kamu cerita balik. Sedikit pun cukup, maksud dia kalau dia boleh cerita satu ayat, tu yang boleh difahami, bahwasanya dia memahami konsep yang diajar tu, betul dah. Kita buat penilaian melalui secara tu lah kan?... "... maksud dia, dia memahamilah konsep dia tu kan, konsep hidup ni dengan alam sekitar ni, dia memahamilah kan?" (GPI5).*

Di samping itu penilaian secara bertulis juga merupakan antara dimensi penilaian para guru pendidikan Islam. Penilaian ini dilihat lebih mengukur kepada kefahaman dan penghayatan pelajar dalam beberapa jarak tempoh masa hasil daripada proses penyepaduan pengajaran pendidikan Islam dengan komponen alam sekitar yang telah dijalankan. GPI6 memastikan soalan berkaitan komponen alam sekitar diwujudkan dalam mana-mana soalan peperiksaan dan ujian-ujian bulanan sebagai latih tubi kepada pelajar: “*Dalam peperiksaan, peperiksaan kita ni lah, kalau ujian-ujian biasa kita bagi juga sebagai soalan latih-tubi (berkenaan alam sekitar), sebelum ujian yang besar yang kita nak buat soalan*” (GPI6). Pelaksanaan ini juga disokong sebagaimana yang dibuat oleh GPI4 bahawa kadar minimum soalan dibina adalah satu soalan yang menyentuh berkaitan alam sekitar dalam peperiksaan: “*... setiap kali periksa memang kena ada. Maknanya tidak semua soalan. Satu soalan pun memang ada sentuhlah tentang alam sekitar*” (GPI4).

Seterusnya dari konteks kandungan soalan peperiksaan, GPI1 menyatakan bahawa walaupun tidak terlalu memfokuskan soalan berdasarkan elemen alam sekitar dalam peperiksaan subjek pendidikan Islam, dia berusaha menyelitkan dalam pembinaan soalan peperiksaan dengan konsep syukur terhadap nikmat kejadian Allah iaitu dari segi kesan atau akibat tidak bersyukur: “*Peperiksaan... kesan orang-orang yang tidak bersyukur... tu kesan dia tak bersyukur. Lepas tu akibat tidak bersyukur tu lebih kurang la kesan dia, begitu. Tapi dia tak banyak, tak fokus sangat, macam setakat tu lah*” (GPI1).

Isu semasa alam sekitar juga ada dikaitkan dalam soalan peperiksaan. GPI6 gemar menghubungkaitkan soalan peperiksaan pendidikan Islam berkenaan topik kebesaran Allah atau kebijaksanaan Allah dalam bidang akidah tingkatan dua dengan isu banjir kilat. Hal ini juga pernah dilakukan oleh GPI2 dalam sesi soal jawab secara lisan berkenaan isu semasa alam sekitar. Maka perkaitan yang dibuat oleh GPI6 ini dilihat sebagai satu pembinaan soalan bertulis yang mampu membawa pelajar supaya sentiasa peka dengan permasalahan alam sekitar yang berlaku di persekitarannya. Daripada itu soalan tersebut lebih meminta pendapat pelajar mengenai sebab atau punca perkara banjir kilat itu berlaku: “*Kita kait dengan isu lah... berkaitan dengan kebesaran Allah ataupun kebijaksanaan Allah... kaitkan lah berlakunya banjir kilat, kita buat satu isu kan, sekarang ni, banjir kilat berlaku, pada pendapat anda kenapaakah perkara ni berlaku? Atau pun sebab apa benda ni berlaku... soalan mengenai ni ada alam sekitar, soalan akidah tingkatan dua tu ada... kebijaksanaan Allah*” (GPI6).

Perbezaan kondisi pelajar dilihat sebagai pertimbangan utama dalam mengimplementasikan ujian bertulis berkaitan konsep Islam dan alam sekitar. GPI4 menjelaskan pengalamannya dalam memeriksa skrip jawapan peperiksaan pelajar bahawa baginya pelajar kelas belakang (berpencapaian rendah) menjawab berdasarkan konteks pengalamannya berbanding kelas depan (berpencapaian tinggi) menjawab sesuatu soalan berdasarkan jawapan yang logik. Melihat kepada pengalaman GPI4 ini bahawa beliau boleh dikatakan sebagai seorang guru yang mengenali diri setiap daripada kategori pelajarnya: “*Ok, daripada soalan (elemen alam sekitar dalam pendidikan Islam) yang kita buat, lepastu jawapan kita dapat, dekat situ kita boleh nampak pelajar ni (kelas belakang) cara dia jawab. Kadang-kadang dia jawab ini berdasarkan pengalaman dia. Pelajar ini (kelas belakang) tidak pandai menipu, kecuali kelas depan bolehlah dia berlakon kan, tapi kalau kelas belakang ni memang secara jujurnya apa yang dia cakap (menjawab soalan) itulah yang dia buat*” (GPI4).

Berdasarkan dimensi penilaian secara bertulis yang dijelaskan sebelum ini, para GPI masih bergantung dengan pelbagai sumber dalam membina format kandungan soalan-soalan peperiksaan berkaitan ajaran Islam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar seperti daripada buku teks, buku latihan terbitan sesebuah syarikat, buku latihan hasil daripada idea pihak panitia pendidikan Islam sekolah dan pihak jabatan negeri sebagaimana yang telah dirujuk oleh GPI6: “*Dia buku teks dan juga buku-buku latihanlah, buku latihan daripada syarikat-syarikat dan juga memang ada juga panitia, apa nama, pihak jabatan pelajaran, depa buat macam contoh kita keta bina soalan-soalan*” (GPI6).

Selain itu buku-buku rujukan seperti terbitan Sasbadi, Pelangi dan Skor A juga turut digunakan sebagai rujukan: “*Buku rujukanlah, contoh rujukan, Sasbadi, Pelangi yang biasa kan kita gunalah...*” (GPI2). Dalam masa yang sama GPI4 merujuk mana-mana modul daripada sekolah lain sebagai asas pembinaan soalan peperiksaan: “*Ok buku yang lepas saya boleh ambil dari Sasbadi, Skor A, semua tu la dan juga modul-modul daripada sekolah-sekolah yang lain*” (GPI4). GPI4 juga merujuk soalan-soalan peperiksaan tahun lepas sebagai sumber rujukan supaya selari dengan kehendak dan format soalan peperiksaan yang sepatutnya: “*Ok, untuk sumber rujukan tu saya akan dapatkan daripada buku-buku, buku latihan dari luar ataupun soalan-soalan daripada tahun lepas*” (GPI4).

Dimensi penilaian seterusnya adalah berdasarkan kaedah pemerhatian. Kaedah ini dilaksanakan oleh guru-guru pendidikan Islam bagi memantau dan menilai elemen akhlak dan sahsiah pelajar secara berterusan rentetan daripada penerapan pendidikan alam sekitar merentas PdP pendidikan Islam. GPI1 antara yang melaksanakan kaedah ini: “*Kalau dengan alam sekitar, kita tengok biasanya kalau student tengok*

*dari segi akhlak dia lah” (GPI1).* Hal ini juga disokong oleh GPI5 dan GPI1 turut memerhati tingkah laku para pelajar mereka dari aspek dakwah iaitu saling tegur-menegur supaya membuang sampah di tempat yang sepatutnya. Pemerhatian ini dibuat olehnya bagi menilai sahsiah dan sikap lestari pelajar: “*Sebab yang keenam ni, pemerhatian ja... sebab dia lebih kepada penilaian sahsiah kan, kita kata lestari ni dia boleh aplikasikan, sampah dia buang di tempat sampah kan, dan dia boleh tegur kawan dia, jangan buang dalam longkang kan. Tu saya rasa dah sampailah tu tahap kan...*” (GPI5). “*Ada sampah ke apa ke, kalau pemerhatian, kita pun boleh tau dah, budak ni, memang aplikasikan untuk dia*” (GPI1).

GPI5 pula melahirkan perasaan puas hati terhadap konteks akhlak pelajarnya mengenai konsep lestari alam sekitar. Berdasarkan penilaian daripada pemerhatiannya, para pelajarnya memiliki akhlak yang baik terhadap alam sekitar. Situasi ini bersesuaian dengan konsep dan matlamat sekolah lestari yang dibudayakan sepanjang sesi persekolahan dan anjuran penghayatan terhadap akhlak Muslim yang sebenar: “*Alhamdulillah, kira kita nampak akhlak pelajar, alhamdulillah lab nampak, kita seolah-olah memahami konseplah, memahami konsep alam sekitar. Maksud dia, kira di sekolah kita ni, aplikasi sekolah lestari tu kan, dengan kita kata, kita di sini all Muslim kan. Jadi benda tu berjalan dengan selari kan, makna idea tu berjayalah...*” (GPI5).

Begini juga GPI1 semasa PdP berlangsung seperti mengajar elemen alam sekitar iaitu air dalam topik wudhuk sebagaimana yang pernah dilakukan oleh GPI3 semasa penilaian secara lisan iaitu teknik soal jawab, GPI1 merasakan bahawa menerusi kaedah penilaian berdasarkan pemerhatian, beliau mendapat kepuasan diri apabila melihat secara terus pelajarnya berwudhuk dan memantau sikap penggunaan air yang sepatutnya: “*Macam kalau kita berwudhuk tu betul tak cara dia wudhuk tu? Jimat tak air? Macam tu ah. Jimat air tu cara kita puas hati tu sebab cikgu, kita boleh nampak sebab kita boleh nilai pelajar kan...*” (GPI1).

Selain itu, aktiviti sekolah seperti gotong-royong merupakan medium yang digunakan untuk memantau penglibatan pelajar dalam aktiviti alam sekitar sebagai penilaian terhadap keberkesanan dan penghayatan pelajar berkenaan nilai-nilai Islam dan alam sekitar yang telah diajar di dalam kelas. Sekiranya pelajar itu datang dan turut serta dalam khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh sekolah dan memberi pertolongan kepada sesiapa, maka kehadiran dan bantuannya itu merupakan sebagai ukuran berterusan yang digunakan oleh GPI4: “*Dia (pelajar) walaupun ramai tapi satu kelas itu tiga puluh lebih kan. Kadang-kadang kita ada aktiviti gotong-royong. Maknanya dekat situ lah kita boleh nilai. Ada setengah itu kadang-kadang saya, kalau yang melibatkan alam sekitar ini kadang-kadang kita tengoklah penglibatan, khidmat masyarakat dia macam mana. Kalau gotong-royong ini dia datang, dia tolong cikgu, ringan tulang...*” (GPI4).

Di samping itu dalam konteks penilaian terkini yang menekankan penilaian berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), beberapa orang informan ada menyatakan bahawa mereka telah menerapkan unsur KBAT di dalam penilaian pendidikan Islam yang disepadukan dengan komponen alam sekitar. Berdasarkan tiga dimensi yang dijelaskan sebelum ini, hanya dua dimensi penilaian tersebut ada diterapkan dengan unsur KBAT. Untuk dimensi pertama iaitu penilaian lisan secara soal jawab, GPI3 telah membuat sesi soal jawab bagi merangsang pemikiran pelajar untuk berfikir mengenai peranan mereka sebagai seorang Muslim dalam mengimarahkan dan menceriakan alam sekitar: “*Penilaian itu kita lebih kepada soal jawab, soal jawab pelajar, maknanya kita nak disitulah maknanya dia jaham tak? Dalam menjawab soalan tu kalau soalan KBAT kan, makna dia berfikir untuk mengimarahkan... menceriakan alam dan kaitkan dengan tugas-tugas kita sebagai apa? Sebagai pelajar, pelajar Muslim...*” (GPI3).

Melalui penilaian secara bertulis iaitu pembinaan soalan-soalan peperiksaan sekolah seperti Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), unsur KBAT turut diterapkan oleh guru. GPI4 lebih gemar mengetengahkan beberapa situasi yang menjurus kepada penyelesaian terhadap isu alam sekitar dalam konteks ibadat: “*Saya kena tingkatan dua, jadi untuk soalan tingkatan dua saya akan buat soalan yang pelbagai aras pengetahuan, kesahaman dan last sekali soalan KBAT. Untuk 4 markah memang kita akan ikut format la, ikut format PT3. Dalam soalan KBAT tu kita ada kaitkan juga la dengan alam sekitar, situasi tu kalau tak semua soalan KBAT, mungkin satu dua soalan ada la*” (GPI4).

Hal ini turut dilakukan oleh GPI3 dalam konteks ibadat berkaitan alam sekitar seperti kebersihan tempat solat yang dijadikan situasi dalam soalan KBAT. Dengan adanya bentuk situasi ini, guru akan dapat melihat kepekaan pelajar terhadap isu alam sekitar yang memerlukan penjelasan terperinci daripada mereka dari aspek tindakan susulan: “*Saya kata tadi, soalan KBAT tadi, macam mana kalau kita dalam keadaan yang kotor, nak solat katakan... budak akan terangkanlah kalau kotor, dalam keadaan yang macam mana? Bernajis macam mana? Contohnya najis, najis mutawasihah... kebersihan ke?... Kalau tempat tadi dicemari oleh tahi kucing katakan. Macam mana dalam situasi berikut? Macam manakah tindakan anda? Budak akan jelaskanlah*” (GPI3).

Berlainan dengan aplikasi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), ketiga-tiga dimensi penilaian dalam pendidikan alam sekitar merentas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam itu kesemuanya ada mengaplikasikan PBS tersebut. GPI4 menilai pelajar dengan penggunaan tahap *band* kepada pelajar secara lisan mengenai konsep alam sekitar. Penilaian berasaskan *band* ini apabila pelajar menjawab secara pendek akan mendapat *band 1* atau *band 2*. Sekiranya disambung dengan beberapa huraian lagi akan mendapat *band 3*. Seterusnya jika pelajar dapat menjelaskan langkah-langkah menjaga alam sekitar secara terperinci akan dapat *band 4* atau *band 5*: “*Yang itu pun sama. Kita tengok jawapan pelajar jawab. Contoh kalau secara langsung kan secara soal jawab. Ok, jadi kita soal dan jawapan dia kita boleh nilai macam mana jawapan biasa kalau pelajar jawab. Satu jawapan pendek. Maknanya itu band 1, band 2. Band 3 kalau ada huraian sikit dan dia boleh cakap langkah (menjaga alam sekitar) apa semua panjang sikit aa itu boleh beri band 4, 5 lah*” (GPI4).

Penilaian secara bertulis pula GPI2 ada mengaplikasikan PBS dalam sebahagian soalan peperiksaan. Mana-mana soalan yang digubal dengan penerapan aspek alam sekitar, maka soalan itu turut dinilai berdasarkan aplikasi PBS: “... kalau dalam peperiksaan (bertulis) dia boleh menjawab makna dari segi PBS, macam jawab gabung jalin (integrasi pendidikan Islam dengan pendidikan alam sekitar) jugalah, exam dengan PBS, kita tidak sepenuhnya PBS, penilaian lain, tapi ada la bahagian-bahagian tertentu disebut, bahagian kita buat penilaian lain, tapi keseluruhannya ada gabung jalin PBS dengan exam, ujian pelajar untuk tingkatan satu hingga enam kan, jadi makna di situ sudah ada kaitan dengan alam sekitar jugalah...” (GPI2).

Aplikasi PBS dalam dimensi penilaian secara pemerhatian pula adalah sebagaimana yang telah dilakukan oleh GPI3 iaitu surau sebagai tempat penilaian sekiranya terdapat mana-mana sampah seperti tisu dan pelajar tidak mengutipnya dengan sekadar hanya melihat atau membiarkannya, maka GPI3 akan memberi penilaian *band* secara langsung kepada kesedaran dan sikap pelajar berkenaan: “*Macam kita kan, sekolah kita ada band-band tau. Band 1, band 2, band 3. Dari situ kita boleh nilai budak tadi. Buat ke tidak apa yang kita cakap. Contohnya aa macam kat surau tadiyah. Nampak saja tisu ke apa ke, jangan tanya sapa punya, ambil je buang dalam tong sampah. Kalau dia lalu je ataupun sepak, kita boleh nampak dah*” (GPI3).

## Kesimpulan

Proses integrasi ilmu perlu konsisten dalam sistem pendidikan terutamanya dalam memugar isu alam sekitar. Berdasarkan kajian ini GPI komited memantau perkembangan pengetahuan, sikap, akhlak dan sahsiah para pelajar terhadap alam sekitar dengan pelbagai strategi penilaian. Walaupun terdapat beberapa cabaran dalam proses penilaian tersebut seperti berhadapan dengan para pelajar yang berbeza tahap pencapaian, GPI tetap berusaha untuk memberi kefahaman dan penjelasan mengenai konsep alam sekitar hasil daripada penilaian yang telah dijalankan. Kepelbagaiannya strategi penilaian para GPI ini juga dikira sebagai sebuah kekuatan yang boleh diaplikasikan oleh guru-guru lain dalam memperkasakan keberkesanan penilaian pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan konsep pendidikan alam sekitar.

Hasil dapatan kajian ini juga memperlihatkan peranan para informan kajian dalam proses penilaian pengajaran dan pembelajaran adalah sebagai *mu'addib*, *mu'allim*, *murshid*, *mudarris* & *murabbi* yang memastikan para pelajar mereka sentiasa memakmurkan bumi sebagaimana tuntutan Allah “*Dialah yang*

menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya” (Surah Hud, 61). Kajian ini dilihat menyumbang kepada beberapa implikasi positif secara teori maupun praktikal. Dari sudut praktikalnya, dimensi penilaian GPI yang pelbagai telah membuka ruang kepada para pelajar untuk mengasah dan membangunkan kecerdasan naturalistik (Gardner, 1999) mereka berlandaskan nilai-nilai Islam. Manakala secara teori, hasil dapatan kajian ini telah memperluaskan lagi konsep penilaian dalam teori perkembangan kurikulum menurut Taba (1962) kepada penekanan maklum balas pelajar semasa dan sehingga tamat sesi pendidikan alam sekitar merentas pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam.

## References

- A. Ghani, M., Omar, S., Abdul Majid, M., & A. Rajak, R. (2014). *Guru dan Cabaran Semasa*. Freemind Horizon Sdn. Bhd..
- Abd Mutalib, Z. (2014, August 3). 4,417 Kes Pembakaran Terbuka. *Berita Harian*. Retrieved June 2, 2016, from <https://enviro.doe.gov.my/view.php?id=1575>
- Abd. Mutalib, S., & Ahmad, J. (2012). Penggunaan Teknik Pentaksiran Formatif dalam Subjek Bahasa Melayu Darjah Satu: Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(10), 17-30.
- Airasan, P. W. (2001). *Classroom Assessment: Concept and Applications* (4<sup>th</sup> Ed.). McGraw-Hill.
- Ambu, S., Lee, H. L., Marzura, S., & Mastura, A. B. (2003). Climate Change-Impact on Public Health in Malaysia. *Environmental Health Focus*, 1(1), 13-21.
- Bakar, B. (2016, April 14). Punggah 500 Tan Sampah Pulau. *Berita Harian*. Retrieved May 26, 2016, from <http://www.dmpm.nre.gov.my/keratan-akhbar-terkini.html?uweb=jtl>
- Begum, M., & Farooqui, S. (2008). School Based Assessment: Will it Really Change the Education Scenario in Bangladesh? *International Education Studies*, 1(2), 45-53.
- Boyle, B. (2008). The Holistic Assessment: A Model Without Status in the Assessment Hierarchy in England. *International Education Colloquium on Holistic Assessment*.
- Cole, P. G., & Chan, L. K. S. (1994). *Teaching Principles and Practise*. Prentice-Hall.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Merrill.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (2000). *Handbook of Qualitative Research* (2<sup>nd</sup> Ed.). Sage.
- Dudley, N., Higgins-Zogib, L., & Mansourian, S. (2005). Beyond Belief: Linking Faiths and Protected Areas to Support Biodiversity Conservation. (A Research Report by WWF, Equilibrium and Alliance of Religions and Conservation (ARC)).
- Gardner, H. (1999). *Intelligence Reframed: Multiple Intelligences Theory for 21<sup>st</sup> Century*. Basic Books.
- Gay, L. R. (1985). *Educational and Evaluation and Measurement. Competencies for Analysis and Application*. Merrill.
- Ghani Hamzah, M. S. (2014). Pengujian, Pengukuran, Penilaian dan Penaksiran: Isu, Implikasi dan Penyelesaian. Dalam Sulaiman, T., & Wan Ali, W. Z.. *Memperkasakan Pendidikan Negara & Isu Cabaran*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim, R. (2002). Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan dan Cabaran Masa Hadapan. *Jurnal Pendidikan Islam*. 10(2), 9-26.
- Hussin, Z. (2012). *Eko-Spiritual dalam Pendidikan Kerohanian dan Alam Sekitar*. (Proceeding of Seminar Education for All, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta).
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan* (2<sup>nd</sup> Ed.). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd..
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (2015, October 15). PERHILITAN Selamat 1481 Hidupan Liar Daripada Diseludup. *Kosmo*. Retrieved June 2, 2016, from <http://www.nre.gov.my/ms-my/PustakaMedia/Pages/Keratan-Akhbar.aspx>
- Kamidin, T., & et. al. (2010). Inception of Eco-Psychology Elements in Environmental Education among Teacher Trainees. *Malaysian Journal of Environmental Management*, (2), 79-94.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2014). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.

- Maser, C. (1996). *Resolving Environmental Conflict: Towards Sustainable Community Development*. St Lucie Press.
- Mat Isa, M. S. (2016, January 3). Bauksit Punca 'Laut Merah'? *Utusan Malaysia*. Retrieved May 23, 2016, from <https://enviro.doe.gov.my/view.php?id=16444>
- \_\_\_\_\_. (2016, June 1). Kejadian Akibat Penerokaan Lama. *Utusan Malaysia*. Retrieved June 2, 2016, from <https://enviro.doe.gov.my/view.php?id=16835>
- Mohd Fakhruddin, F. (2012). *Peranan & Cabaran Guru dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Tobi, S. U. (2014). *Qualitative Research & Nvivo 10 Exploration*. Aras.
- Mokhtar, M. I. (2015). Konservasi Biodiversiti Menurut Etika-Perundangan Islam: Kajian Terhadap Kawasan Perlindungan di Malaysia. (Ph.D Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Nasbah, N. N. (2016, Februariy 2). Mengatasi Pemanasan Global. *Berita Harian*. Retrieved May 23, 2016, from <https://enviro.doe.gov.my/view.php?id=16030>
- Nasr, S. H. (1997). *Man and Nature, the Spiritual Crisis of Modern Man*. ABC International Group, Inc..
- Nordin, A. B. (1995). *Penilaian Efektif*. Masa Enterprise.
- Pang, V., & Lajium, D. (2014). *Penilaian dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 (Kaedah Penyelidikan)* (3<sup>rd</sup> Ed.). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd..
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). *Buku Panduan Guru Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum KBSM*. Percetakan Selaseh Sdn. Bhd..
- Seman, A., Ahmad, & Kimi, W. (2014). Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Satu Transformasi Pendidikan dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, 4(2), 147-158.
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (1990). *Systematic Evaluation: A Self-Instructional Guide to Theory and Practice*. Kluwer-Nijhoff Publication.
- Suhid, A. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd..
- Sutherland, W. J., & et. al. (2014). A Horizon Scan of Global Conservation Issues for 2014. *Trends in Ecology & Evolution*, 29(1), 15-22.
- Taba, H. (1962). *Curriculum Development, Theory and Practice*. Brace and World.
- Talib, R. & Abd Ghafar, M. N. (2008). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia*. (Proceeding of Seminar Penyelidikan).
- Ujang, Z., Nasr, S. H., & Sardar, Z. (1993). *Islam dan Alam Sekitar*. Institut Kajian Dasar.
- Wan Daud, W. M. N. (2013). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas, Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Yang, A. B. (2015). *Pengurusan & Pemuliharaan Alam Sekitar dari Perspektif Islam*. IKIM.
- Zaidan, F. (2016, January 11). Sungai Kurang Oksigen Punca Ikan Mati. *Berita Harian*. Retrieved June 1, 2016, from <https://enviro.doe.gov.my/view.php?id=16547>